

10 JUN 2001

DR MAHATHIR PULANG SELEPAS LAWATAN EMPAT HARI KE JEPUN

PETALING JAYA, 10 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini tiba selepas menamatkan lawatan empat hari ke Jepun.

Pesawat membawa Dr Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali itu mendarat di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang di sini pada pukul 4 petang.

Beberapa menteri kabinet dan pegawai kanan kerajaan berada di lapangan terbang untuk menyambut kepulangan perdana menteri.

Semasa lawatan itu, Dr Mahathir menyampaikan ucapan pada Siri Syarahan Kecemerlangan U Thant di Universiti United Nations di sini dan ucapatama pada Persidangan Antarabangsa Nikkei ketujuh.

Beliau juga mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya dari Jepun, Junichiro Koizumi.

Dr Mahathir juga dianugerahkan doktor kehormat oleh Universiti Meiji kerana sumbangan beliau, yang antara lain, kerana menggalakkan keamanan, kestabilan dan pembangunan di Asia.

-- BERNAMA
AFY AZZ AKD